

## **BAB SATU**

### **PENERBITAN BUKU KANAK-KANAK**

Penerbitan buku kanak-kanak merupakan salah satu aktiviti penting dalam industri penerbitan di Malaysia. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan Perpustakaan Negara di bawah Akta Penyerahan Bahan Terbitan 1986, jumlah keseluruhan buku kanak-kanak yang terbit dari tahun 1988 hingga 1998 ialah sebanyak 20,523 judul.<sup>1</sup> Jumlah paling banyak judul diterbitkan ialah pada tahun 1998 iaitu sebanyak 3,085 judul.

Walaupun banyak judul buku kanak-kanak dihasilkan oleh pengarang dan diterbitkan oleh penerbit yang terlatih dan berpengalaman, banyak juga jumlahnya yang diterbitkan oleh mereka yang tidak berpengalaman. Tua dan muda, kaya dan miskin, golongan terpelajar biasa merujuk kepada produktiviti, kreativiti dan minat dalam komunikasi berkesan terhadap kanak-kanak.

Kreativiti tidak dipelajari daripada buku atau guru. Lebih tepat, ia merupakan bakat semula jadi yang hanya perlu diberi peluang untuk berkembang, yang juga memerlukan keyakinan bahawa nilai, pertimbangan, kekuatan dan idea kita juga sebaik yang dihasilkan orang lain. Untuk mencapai tahap itu, sudah pasti kita perlu menerima nasihat dan kritikan orang lain. Perlu diingatkan bahawa tidak semua yang kita

---

<sup>1</sup> Jumlah ini dikumpulkan berdasarkan statistik yang dikeluarkan Perpustakaan Negara bagi judul-judul yang diserahkan ke situ.

fikirkan tentang projek kita sama dengan apa yang difikirkan oleh orang lain.

## 1.0 BUKU DAN KANAK-KANAK

Kanak-kanak hari ini, sama seperti orang dewasa, membaca kerana berbagai-bagai sebab; untuk belajar, untuk ketawa, untuk berkhayal dan untuk menikmati keseronokan dan menjelajah sesuatu perkara yang belum mereka ketahui tentang alam sekeliling mereka. Mereka membaca untuk mendapatkan kepuasan dan membiasakan diri mereka dengan menghadap buku-buku yang ada kaitan dengan pembinaan nilai yang sesuai dengan peringkat pertumbuhan fizikal dan rohani mereka. Keupayaan seseorang kanak-kanak membaca banyak dipengaruhi oleh faktor jantina, umur, pembangunan fizikal, kecenderungan mental, kematangan fikiran dan alam persekitarannya.

Ramai kanak-kanak hari ini mempunyai kebolehan membaca dan keadaan sosial yang sofistikated meningkatkan tabiat suka membaca dalam diri mereka. Ini menjadikan mereka lebih cepat matang berbanding kanak-kanak pada zaman sebelumnya. Pemikiran mereka kadangkala melangkaui apa yang difikirkan oleh orang dewasa.

Kemajuan teknologi hari ini bergerak terlalu pantas. Buku boleh memainkan peranannya membantu kanak-kanak membina konsep tentang masyarakat sekelilingnya dan memahami peraturan yang terdapat dalam masyarakat tersebut. Buku juga boleh membantu kanak-kanak mengasah

konsep mereka tentang jalinan hubungan sesama manusia dan bagaimana proses memahami hubungan tersebut.

Untuk mendidik minda kanak-kanak yang masih muda dan mentah itu, kita perlukan banyak jenis buku. Buku-buku ini perlu berkualiti, ditulis dengan baik dari segi kandungan dan gaya persembahan.

### 1.1 KEPERLUAN KANAK-KANAK

Setiap makhluk yang hidup di muka bumi ini mempunyai keperluan masing-masing, lebih-lebih kepada makhluk yang bergelar manusia. Walaupun keadaan sosial sentiasa berubah, sesetengah asas keperluan harian sama kepada kebanyakan orang dan kebanyakan masa. Pada peringkat awal, keperluan kanak-kanak lebih bersifat personal tetapi apabila mereka semakin matang dan dewasa, mereka perlukan sesuatu yang lebih untuk proses sosialisasi mereka. Arah tuju yang akan diambil oleh seseorang kanak-kanak itu bergantung kepada pengalaman yang dialaminya sebelum memasuki alam persekolahan lagi. Pengalaman-pengalaman yang dilaluinya itu akan mempengaruhi perkembangan fizikal dan mentalnya pada masa depan.

Tanpa disedari oleh sesetengah orang, buku memainkan peranan penting membantu kanak-kanak ke arah itu. Buku-buku bermutu yang ditulis oleh pengarang berpengalaman dan diterbitkan dalam bentuk yang sesuai dapat membantu seseorang kanak-kanak mencapai keperluan yang dikehendakinya. Sesetengah buku tidak sahaja membantu seseorang

kanak-kanak memahami dirinya dan orang dewasa lain, malah boleh membantu orang dewasa lebih memahami dan meletakkan dirinya dalam diri anak-anaknya atau kanak-kanak lain.

Antara keperluan yang dikehendaki kanak-kanak dan boleh dibantu melalui mesej yang disampaikan di dalam buku (May Hill Arbuthnot dan Zena Sutherland 1974, hal. 6-16) adalah seperti berikut:

#### 1.1.1 Keperluan perkembangan fizikal yang sihat

Seseorang kanak-kanak merasakan keselamatannya pada peringkat awal terjamin bermula dalam tangan ibu bapa mereka termasuklah dalam kegiatan harian mereka seperti makan dan minum. Bagi kanak-kanak dan orang dewasa juga, kepuasan material boleh menjadi simbol keselamatan yang paling utama.

Hari ini, keselamatan material tidak berubah dan ia akan berterusan menjadi salah satu keperluan utama. Jadi, dalam buku, sama seperti dalam kehidupan, kehausan terhadap keselamatan selalunya menyediakan motif untuk perkembangan watak dan tema sesebuah cerita.

#### 1.1.2 Keperluan untuk menyayangi dan disayangi

Setiap manusia mahu menyayangi dan disayangi oleh orang lain. Keperluan ini sangat ditekankan kerana rasa kecewa dalam salah satunya akan mempengaruhi kehidupan masa depannya. Seseorang kanak-kanak yang merasa diabaikan dan tidak disayangi tidak akan menyayangi orang

lain. Akhirnya dia merasakan seperti dirinya tidak diperlukan, kehadirannya di dunia tidak diinginkan.

Keluarga memainkan peranan utama tempat seseorang kanak-kanak belajar peraturan dalam sesuatu hubungan. Kehidupan sesebuah keluarga yang baik dan sempurna tidak sahaja membentuk hubungan yang baik seseorang kanak-kanak sesama anggota keluarganya malah mempengaruhi pendekatannya terhadap masyarakat sekeliling. Kehidupan sebuah keluarga yang baik juga menyediakan asas perilaku yang sihat kepada seseorang kanak-kanak. Banyak kajian menunjukkan remaja yang bermasalah datangnya dari keluarga yang pincang hubungan kekeluargaannya.

Di samping keluarga, buku juga membantu mengajar tentang hubungan yang baik ini melalui jalinan cerita yang sesuai. Misalnya sebuah cerita kanak-kanak yang menggunakan tema kasih sayang dalam sebuah keluarga, antara ibu bapa dengan anak-anak.

Aspek lain yang menyeluruh tentang keperluan ini berhubung dengan makhluk-makhluk lain selain manusia. Buku cerita tentang binatang membantu kanak-kanak membina perasaan kasih sayang bukan di kalangan manusia sahaja, malah juga di kalangan makhluk bernyawa yang lain.

### **1.1.3 Keperluan untuk memiliki dan dimiliki**

Kanak-kanak juga memerlukan rasa untuk memiliki dan diterima menjadi ahli sesebuah kumpulan. Pada peringkat awal, seseorang kanak-kanak perlu diterima dalam keluarganya sebagai salah seorang anggota dan dia memiliki ayah, ibu, kakak atau adik. Kemudian proses ini berkembang dalam pergaulan rakan sepermainan. Seterusnya ke peringkat persekolahan, kemudian ke peringkat yang lebih besar iaitu masyarakat bandar, negeri, negara dan dunia.

Jadi, bahan bacaan kanak-kanak harus ada hubung kaitnya dengan hal-hal ini. Sesebuah buku perlu bermula dengan cerita tentang keluarga, sekolah dan jiran tetangga seseorang kanak-kanak. Cerita-cerita lain juga perlu diselitkan seperti usaha seorang kanak-kanak menjadikan dirinya diterima dan disukai orang lain.

Selain itu, kanak-kanak juga perlu membesar dengan mempunyai kesedaran tentang masalah peperangan, pencemaran alam dan masalah sosial lain supaya dia juga merasakan dia mempunyai peranan tertentu dalam masyarakatnya.

### **1.1.4 Keperluan untuk mencapai sesuatu kejayaan**

Persaingan untuk mencapai sesuatu kejayaan merupakan pendorong utama dalam membentuk sesuatu bentuk tingkah laku manusia. Perjuangan untuk mencapai sesuatu kejayaan bermula dari peringkat bayi lagi iaitu ketika seseorang mula boleh mengiring, meniarap, merangkak, berjalan dan

seterusnya sehingga menjadi dewasa dan menjadi seseorang dalam sesebuah masyarakat.

Sesuatu kecekapan yang dikehendaki yang berjaya dicapai oleh seseorang boleh mendatangkan kepuasan, sebaliknya kekecewaan membawa kepada gangguan fikiran. Untuk berasa gembira, kanak-kanak malahan orang dewasa juga memerlukan sesuatu kepuasan dalam mencapai sesuatu kecekapan.

Buku-buku yang mengandungi mesej usaha membawa kejayaan dapat membantu mengarah pemikiran kanak-kanak ke arah sesuatu yang positif. Kanak-kanak dapat belajar sesuatu kejayaan itu hanya boleh diperolehi dengan pengorbanan dan usaha gigih sepanjang hayat. Kejayaan tidak datang dengan mudah kepada seseorang.

#### 1.1.5 Keperluan untuk perubahan

Bерmain kadangkala diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada keinginan untuk berubah dari satu keadaan yang menegangkan kepada satu situasi yang releks. Aktiviti seperti ini menjadi keperluan asas dalam kehidupan manusia. Sesudah kita bekerja keras sepanjang hari, kita perlukan kerehatan yang cukup atau melakukan sesuatu aktiviti yang boleh melegakan ketegangan. Apabila kita terlalu serius atau terlalu menumpukan perhatian terhadap sesuatu kerja, kita perlukan hiburan dan kegembiraan. Jadi, dalam pembacaan kita, selepas dihidangkan dengan bahan-bahan yang serius dan mempunyai banyak fakta, kita perlukan

sesuatu bahan bacaan yang ringan. Sekiranya kita terkepung dengan masalah personal, kita mungkin mahu mencari buku-buku pengembalaan, misteri atau buku romantik untuk melegakan kembali otak yang sedang memikirkan sesuatu yang berat.

Kanak-kanak juga seperti orang dewasa, perlukan kebebasan daripada memikirkan perkara-perkara yang membebangkan fikiran mereka. Tanpa orang dewasa sedari, kanak-kanak sebenarnya terkongkong dengan tekanan rutin sehari-hari, paksaan orang dewasa melakukan sesuatu yang mereka tidak faham mengapa perlu dilakukan atau mengapa tidak boleh dilakukan dan keperluan mengikut etika serta moral yang kebanyakannya tidak mereka ketahui atau fahami fungsinya.

Buku-buku fiksyen, buku berunsur humor sebagai contohnya boleh digunakan oleh kanak-kanak untuk membantu meringankan ketegangan yang mereka alami.

#### 1.1.6 Keperluan untuk mengetahui

Ibu bapa selalu bersungut dengan gangguan sifat ingin tahu yang menebal di kalangan anak-anak mereka. Kadangkala mereka tidak mampu menangani persoalan yang dikemukakan oleh anak-anak mereka. Sebenarnya sifat suka menyelidik, mahu mengetahui sesuatu perkara dengan mendalam dan suka bertanya itu dan ini yang ada pada seseorang kanak-kanak menunjukkan dia seorang yang pintar. Semakin pintar seseorang kanak-kanak, semakin tajam pemikirannya menyebabkan

semakin banyak yang dia tahu, semakin banyak lagi yang ingin diketahuinya.

Buku-buku mengenai alam sekeliling, dunia binatang, tumbuh-tumbuhan, batu-batan, kamu dan ensiklopedia yang sesuai dapat membantu kanak-kanak memenuhi keperluan ingin tahu mereka itu. Orang dewasa terutamanya ibu bapa perlu mengenal pasti kecenderungan minat anak-anak mereka dan membantu mencari buku-buku yang sesuai bagi menjawab persoalan yang bermain dalam fikiran anak-anak dengan betul tanpa sebarang keraguan. Ibu bapa juga berperanan sebagai memberi panduan dan meransang anak-anak supaya sebarang maklumat dapat disampaikan dengan berkesan (May Hill Arbuthnot dan Zena Sutherland 1972, hal. 6-16).

## 1.2 DEFINISI PENERBITAN BUKU KANAK-KANAK

Menurut *The Dictionary of Publishing* (David M. Brownstone dan Irene M. Franck 1982, hal. 38), buku didefinisikan sebagai "*a body of material capable of being inscribed upon in some fashion, whether or not inscription has occurred; therefore any group of pages or leaves, bound or unbound, and also any scroll or related group or writing tablets of any material.*"

Walau bagaimanapun tafsiran ini amat longgar kerana ia meliputi perspektif masa yang luas iaitu sejak zaman permulaan kewujudan buku. Oleh itu, satu ketetapan telah diputuskan pada tahun 1950 oleh UNESCO

tentang tafsiran sebuah buku dan diterima pakai di peringkat antarabangsa,  
*...a book, to be qualified as one, must have a minimum of 49 pages, it should have a cover, be published and made available to the public..."*  
(M. N. Rao 1974, hal. 3).

Secara umumnya buku diterima pakai sebagai hasil penulisan satu struktur yang membentuk satu keseluruhan, dicetak, dibatasi dalam satu unit yang mengandungi satu atau lebih jilid, mempunyai sifat mudah alih, ditulis peromboran pada setiap halaman dan dikumpul menjadi satu dalam sebuah kulit.

Penerbitan buku kanak-kanak pula merujuk kepada bahan terbitan yang ditulis dan diterbitkan untuk ditujukan khas kepada golongan kanak-kanak. Majlis Buku Kebangsaan Malaysia melalui pertandingan Hadiah Buku Kebangsaan mendefinisikan buku kanak-kanak sebagai bahan terbitan untuk kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah, ini termasuklah buku kanak-kanak bergambar, buku kanak-kanak berilustrasi (warna dan hitam putih), buku kanak-kanak berbentuk cereka, pengetahuan, rujukan dan adaptasi.<sup>2</sup>

### 1.3 KATEGORI PENERBITAN BUKU KANAK-KANAK

Buku kanak-kanak dikategorikan mengikut kumpulan umur, jenis atau kategori kesusasteraan, genre atau kandungan yang dibincangkan.

<sup>2</sup> Definisi ini dibentuk melalui kategori buku yang dipertandingkan dalam Pertandingan Hadiah Buku Kebangsaan seperti yang terdapat dalam Buku Cenderamata Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, terbitan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia tahun dari tahun 1992 hingga 1995.

Kumpulan umur merupakan kategori paling asas kerana ia berhubung rapat dengan kebolehan membaca, pemahaman dan minat seseorang kanak-kanak. Hal ini menentukan genre dan kandungan yang diperkatakan dapat diterima sebagaimana ia dipersembahkan.

Terdapat beberapa cara untuk membahagikan kanak-kanak mengikut kumpulan umur. Salah satu yang biasa kita gunakan ialah membahagikan ia kepada dua kumpulan asas iaitu kanak-kanak prasekolah dan kanak-kanak sekolah rendah. Kedua-dua kumpulan ini boleh dibahagikan seperti yang dinyatakan berikut:

1. Kanak-kanak prasekolah

Mengikut Frieda Gates (986, hal. 22), kategori ini terbahagi kepada dua iaitu kanak-kanak yang berumur antara 3-4 tahun (pre-readers) dan kanak-kanak yang berumur antara 5-6 tahun (beginning readers).

2. Kanak-kanak sekolah rendah

Terbahagi kepada dua iaitu kanak-kanak sekolah rendah tahap pertama yang berumur antar 7-9 tahun dan kanak-kanak sekolah rendah tahap kedua yang berumur antara 10-12 tahun.<sup>3</sup>

### 1.3.1 Buku kanak-kanak prasekolah: Perekaan ilustrasi dan reka bentuk

Gambar memainkan peranan penting dalam buku kanak-kanak pada peringkat umur ini. Jadi, semua buku untuk kanak-kanak kumpulan umur

---

<sup>3</sup> Kategori ini digunakan oleh Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd. dalam penerbitan buku kanak-kanaknya.

ini secara kasar boleh dikelaskan sebagai buku bergambar. Untuk menjelaskan lebih tepat fungsi-fungsi gambar dan teks, selalunya penerbit membahagikan penerbitan buku bergambar kepada buku bergambar sahaja, buku bergambar yang mengandungi sedikit teks dan buku cerita bergambar.

Buku bergambar ini merupakan pertemuan awal kanak-kanak kepada seni ilmu dan kesusasteraan. Buku-buku dalam kategori ini termasuklah buku puisi kanak-kanak, buku kisah dongeng atau klasik yang dibacakan oleh ibu bapa sementara kanak-kanak melihat gambar ilustrasinya, buku abjad, buku kira-kira atau matematik dan buku-buku berkonsep ringan memperkenalkan kanak-kanak kepada bunyi-bunyian, simbol dan makna bahasa yang kita gunakan sehari-hari melalui gambar dan sedikit teks atau tanpa teks langsung.

Minat kanak-kanak pada peringkat ini (young child's) berubah sangat cepat. Bagi kanak-kanak yang cekap, mereka cepat mengenal pasti objek-objek yang baru diperkenalkan dan mula mengulang-ulang ayat dan rima yang diajar kepada mereka. Selepas dapat mengenal huruf-huruf dan dapat membaca perkataan yang terdapat dalam buku bergambar, kanak-kanak ini mula galak hendak membaca bahan cerita. Keinginan ini boleh dipenuhi dengan menghidangkan kepada mereka buku bergambar yang mudah dibaca (easy to-read picture books) dan buku cerita bergambar. Buku-buku untuk kanak-kanak ini direka khusus sesuai dengan kebolehan mereka membaca.

Buku kanak-kanak dalam bentuk buku bergambar yang mudah dibaca (easy to-read picture books) mula diperkenalkan pada tahun 1950-an. Dengan plot yang ringkas, penggunaan perbendaharaan kata yang terkawal (yang sesuai untuk kanak-kanak pada peringkat ini), saiz taip yang besar dan ilustrasi yang menarik, buku bergambar yang mudah dibaca itu dapat memenuhi lompong yang terdapat antara buku bergambar dengan buku cerita bergambar.

### 1.3.2 Buku kanak-kanak sekolah rendah

Kalau pada peringkat kanak-kanak prasekolah tahap pembacaan menjadi unsur penting dalam pengklasifikasian pemilihan buku-buku untuk bacaan mereka, pada peringkat kanak-kanak sekolah rendah, jenis kesusasteraan dan kandungan yang diperkatakan menjadi unsur pentingnya. Pada peringkat ini, gambar masih memainkan peranan penting tetapi untuk pemahaman yang lebih baik, mereka perlukan penerangan atau teks yang lebih jelas. Teks memainkan peranan lebih besar daripada gambar. Dengan lain perkataan, gambar dalam buku kanak-kanak prasekolah menjadi elemen penting manakala dalam buku kanak-kanak sekolah rendah, ia menjadi ilustrasi yang membantu pemahaman lebih jelas tentang teks.

Terdapat satu lagi kategori buku kanak-kanak untuk peringkat pertengahan dalam kumpulan ini yang memberi peluang kepada mereka yang masih kurang mahir menguasai teknik pembacaan untuk

meningkatkan lagi tahap daya boleh baca mereka. Buku dalam kategori ini digelar “hi/lo” (high interest/low reading level). Buku kategori ini diperkenalkan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak yang masih lemah dalam pembacaan untuk meningkatkan gred atau mutu pembacaan mereka. Buku kategori ini hampir sama bentuknya dengan buku bergambar yang mudah dibaca iaitu mengandungi teks yang paling mudah dan ringkas bersama-sama ilustrasi (selalunya dalam bentuk gambar).

#### 1.4 SEJARAH BUKU KANAK-KANAK SECARA UMUM

Zaman kanak-kanak dikenal pasti sebagai struktur sosial yang berbeza. Sebelum ini, penulisan bahan untuk kanak-kanak tidak begitu ditekankan dan ia berterusan sehingga ke abad ke-16. Sebelum itu, kanak-kanak dianggap tidak mempunyai sebarang keperluan atau minat. Mereka dianggap sangat kecil berbanding orang dewasa apalagi untuk meniru perlakuan orang dewasa dalam masa yang begitu singkat. Pada peringkat umur 7 tahun, ketika mereka mula belajar berkomunikasi di khalayak, mereka dianggap sudah cukup matang untuk memahami tanggungjawab orang dewasa.

Pada zaman dahulu juga, sekolah untuk kanak-kanak tidak bermula sehingga mereka berumur 10 tahun ke atas dan buku yang digunakan tidak direka khusus untuk kanak-kanak. Sebelum percetakan diperkenalkan, semua buku agama, pendidikan dan buku akademik ditulis tangan oleh ahli agama atau rahib.

#### 1.4.1 Buku kanak-kanak di Eropah

William Caxton (1422-1491) merupakan pengusaha percetakan pertama di England. Beliau membuka kilang tersebut pada tahun 1477 (R.A. Peddie 1927, hal 175). Sepanjang tempoh kariernya dalam bidang penerbitan iaitu menjadi pengarang, pendidik, penterjemah dan penyunting kemudian menjadi pengusaha percetakan, penerbit dan penjual buku, Caxton mencetak 100 judul buku (Frieda Gates 1986, hal. 10). Antaranya *Chaucer's Canterbury Tales*, *Maloryis Tales of King Arthur* dan *Aesops Fables*.

Pada mulanya buku-buku Caxton ini banyak ditujukan untuk orang dewasa. Misalnya buku *Aesop's Fables* yang diterbitkan dalam edisi bahasa Inggeris buat pertama kalinya pada 1484 merupakan buku untuk orang dewasa. Walau bagaimanapun, jika kanak-kanak melihat gambar ilustrasi yang terdapat di dalamnya, mereka dapat menyesuaikan kandungan buku tersebut dengan usia mereka. Selepas beberapa abad, banyak karya Caxton ini ditulis dan disusun semula untuk bacaan kanak-kanak.

Dalam pertengahan tahun 1500, *hornbook* merupakan bahan bacaan yang paling popular di kalangan kanak-kanak sekolah untuk mempelajari bahasa dan beberapa aspek tentang keagamaan.

*Orbis Pictus* ialah buku pertama yang dianggap sebagai buku bergambar kanak-kanak yang direka khas untuk kanak-kanak. Ia ditulis dalam bahasa Latin pada tahun 1657 oleh John Amos Comenius, seorang

biskop dan pendidik berbangsa Movarian (May Hill Arbuthnot dan Zena Sutherland 1972, hal. 52). Buku ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam kebanyakan bahasa Eropah dan bahasa Inggeris pada tahun 1658.

#### 1.4.2 Revolusi Industri: Akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19

Revolusi industri yang hebat berlaku pada abad ke-18 mengubah industri buku dewasa dan kanak-kanak. Hasil rekaan terbaharu, terdapat kemungkinan mengeluarkan jumlah buku yang banyak dengan kos yang lebih rendah berbanding sebelumnya. Sebuah mesin bernama *Fourdrinier* yang direka pada tahun 1799 boleh membuat kertas 10 kali ganda lebih cepat daripada kaedah lama. Mesin cetak berkuasa stim yang direka Federich Konig's pada tahun 1814 dan digunakan pertama kalinya di Jerman mempercepat kelajuan percetakan. Dua buah mesin yang dicipta oleh Otto Mergenthaler's Linotype (1886) dan Tolbert Lanton's Monotype (1887) mempercepat kelajuan dalam proses taipset. Sebelum itu, pada tahun 1820, mesin jilidan diperkenalkan dan pada tahun 1890, jaket buku diperkenalkan.

Pada tahun 1796, Aloysius Senefelder dari Austria mencipta kaedah percetakan litografik dan pada tahun 1830-an, cetakan warna berjaya dihasilkan melalui kaedah ini. Penciptaan ini telah menjadi alat penting dalam percetakan buku bergambar untuk kanak-kanak.

Pertumbuhan populasi serta perkembangan sekolah dan perpustakaan juga menjadi faktor utama dalam perkembangan penerbitan

buku kanak-kanak. Pada pertengahan abad ke-19, para penerbit mula sedar bahawa kanak-kanak sama sekali tidak sama dari segi jantina, umur dan minat. Hasilnya banyak buku muncul, termasuk khusus untuk kanak-kanak lelaki, kanak-kanak perempuan, buku-buku untuk peringkat awal persekolahan dan buku untuk kanak-kanak akhir persekolahan. Misalnya hasil terbitan berbentuk puisi, buku bergambar, buku cerita dongeng dan buku-buku membawa mesej moral.

### 1.5 PENERBITAN BUKU KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Seperti di negara-negara lain, di Malaysia, perhatian juga banyak diberikan kepada pembaca golongan kanak-kanak. Antara lain, ini disebabkan lebih kurang 40% penduduk Malaysia hari ini terdiri mereka yang berusia di bawah 15 tahun yang secara langsung memerlukan bahan bacaan yang banyak.

Walaupun pada mulanya buku kanak-kanak diletakkan sebagai satu daripada kategori buku umum dan disarankan sebagai bacaan ringan, lama-kelamaan kesedaran mula timbul dalam masyarakat terhadap keperluan buku yang dapat memenuhi keinginan kanak-kanak. Buku kanak-kanak tidak lagi dianggap semata-mata sebagai bahan hiburan malah masyarakat mula sedar bahawa buku kanak-kanak yang baik dapat menyumbangkan ilmu pengetahuan, memperkaya pengalaman dan imaginasi kanak-kanak.

Bermula kesedaran itu, banyak penerbit di Malaysia mula memberikan perhatian kepada penerbitan buku kanak-kanak. Apatah lagi buku kanak-kanak selalunya dapat memberikan pulangan yang lebih baik berbanding penerbitan-penerbitan lain (kecuali buku teks dan rujukan pelajaran sekolah). Dalam keghairahan mencari keuntungan, terdapat penerbit yang mengabaikan aspek mutu sesebuah buku. Kebanyakan orang masih menganggap struktur fizikal sesebuah buku membayangkan mutunya sedangkan kandungannya juga memainkan peranan penting menentukan bermutu atau tidaknya sesebuah buku itu.

#### 1.5.1 Sejarah awal penerbitan buku kanak-kanak

Sejarah awal penerbitan buku di negara ini dipelopori oleh penjajah Barat. Disebabkan para penjajah bertumpu di Negeri-negeri Selat, kerana di situ lah pintu masuk ke Semenanjung, maka kemudahan komunikasi dengan negara luar berpusat di situ. Institusi pejabat pos yang menyediakan perkhidmatan pos dengan negeri-negeri lain menjadi salah satu kemudahan asas penting terutama sekali dalam bidang penerbitan. Jadi secara tidak langsung inilah puncanya Negeri-negeri Selat seperti Melaka menjadi tumpuan awal kegiatan penerbitan di Malaysia.

Dekad terakhir abad ke-19 dan dua dekad awal ke-20 menyaksikan satu revolusi dalam bidang penerbitan buku berbahasa Melayu di negara ini. Pada waktu ini, penjajah memperkenalkan sistem pendidikan Barat kepada penduduk tempatan. Langkah ini membuka peluang kepada

persekolahan berbahasa Melayu yang melahirkan pembaca kesusasteraan Melayu yang lebih besar disebabkan sistem persekolahan itu sendiri. Ini dengan sendirinya melahirkan permintaan terhadap bahan bacaan.

Antara buku untuk kanak-kanak terawal yang dicetak di Malaysia yang direkodkan di dalam buku *Early Malay Printed* (Ian Proudfoot 1992) ialah buku *Bahawa kitab ini akan menolong segala kanak-kanak yang baharu belajar bahasa Melayu supaya segera ia boleh mengenal dan mendapat akan segala huruf yang ada dalam surat Melayu dengan tiada bersusah-susah*. Buku yang mengandungi empat edisi ini dikarang oleh Claus Henrich Thomsen dan edisi pertamanya diterbit dan dicetak di Melaka pada tahun 1818 oleh Mission Press. Buku yang mengandungi 47 halaman ini dinaip set tulisan jawi di atas halaman bersaiz 12.5cm x 9cm dengan 9 barisan dalam satu halaman. Kandungan buku ini adalah berkenaan asas-asas ejaan iaitu halaman 1-44 mengandungi surat-surat dengan tatabahasa mudah, manakala halaman 44-47 mengandungi nasihat dan peraturan tingkah laku yang baik.

*Early Malay Printed* juga mencatatkan pada tahun 1821, terbit pula *Surat Pengajaran Dikarang kerana Kanak-kanak dan Orang Muda-mudi* yang ditulis T. Beighton oleh penerbit yang sama. Buku yang mengandungi 16 halaman dinaip set jawi di atas halaman bersaiz 17.5cm x 10.5cm dengan 20 barisan dalam satu halaman ini mengandungi 45 soalan berserta jawapan perihal kehidupan sehari-hari untuk kanak-kanak.

### 1.5.2 Penerbitan buku kanak-kanak hari ini

Penerbitan buku kanak-kanak secara terancang di Malaysia bermula dengan penubuhan biro Pejabat Karang Mengarang yang diasaskan oleh O.T. Dussek dan Za'ba pada tahun 1924. Penubuhan biro ini bertujuan menerbitkan siri buku bacaan dan pengetahuan untuk pelajar sekolah Melayu. Dengan usaha itu, terbitlah siri bacaan untuk orang dewasa dan kanak-kanak yang dipanggil *Malay School Series* dan siri kedua *Malay Series Home Library* iaitu karya-karya Inggeris (kebanyakannya) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Sejak itu, banyak penerbit mula muncul menerbitkan buku kanak-kanak, lebih-lebih lagi dengan pengenalan sistem pendidikan yang banyak menggalakkan para pelajar tidak terlalu bergantung pada buku teks semata-mata dan adanya kempen menggalakkan masyarakat membaca. Misalnya pada tahun 1966, penerbitan buku kanak-kanak merupakan 4.5% daripada penerbitan keseluruhan untuk tahun itu. Jumlah ini meningkat menjadi 32.0% pada tahun 1990 (rujuk **Jadual 1.1**). Jumlah ini semakin meningkat dari setahun ke setahun. Misalnya dalam **Jadual 1.2** dapat dilihat peningkatan sehingga 46% pada tahun 1994. Dalam **Jadual 1.3** pula kita akan dapati pada tahun 1995 hingga 1998, jumlah penerbitan buku kanak-kanak melebihi 2,000 judul dalam setahun dan menjadi paling maksimum pada tahun 1998 apabila jumlahnya menjadi 3,085 judul.

**Jadual 1.1: Jumlah Penerbitan Judul Kanak-kanak Berbanding  
Jumlah Keseluruhan Yang Terbit Sepanjang 1966-1990**

Tahun	Buku Kanak-kanak	Jumlah	%
1966	11	245	4.5
1970	7	558	1.2
1975	100	830	12.0
1980	188	1 205	15.6
1985	124	1 657	7.5
1990	1 466	4 578	32.0

Sumber: Bibliografi Nasional, Perpustakaan Negara berdasarkan judul-judul yang diterima di bawah Akta Penyerahan 1966.

**Jadual 1.2: Jumlah Penerbitan Judul Kanak-kanak Berbanding  
Jumlah Keseluruhan Yang Terbit Sepanjang 1991-1994**

Tahun	Buku Kanak-kanak	Jumlah	%
1991	1 088	3 758	29
1992	1 446	3 695	39.1
1993	1 720	3 799	45.3
1994	1 844	4 050	46.0

Sumber: Bibliografi Nasional, Perpustakaan Negara berdasarkan judul-judul yang diterima di bawah Akta Penyerahan 1966.

Mengikut statistik buku-buku yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahagian Perpustakaan 1986, penerbitan buku kanak-kanak mengalami peningkatan paling banyak pada tahun 1995 iaitu dari 1,844 judul pada tahun 1994 menjadi 2,913 pada tahun 1995. Perincian dapat dilihat dalam Jadual 1.3.

**Jadual 1.3: Statistik Buku-buku Yang Diterima di Bawah Akta Penyerahan  
Bahan Perpustakaan 1986 Dari Tahun 1994 Hingga 1998  
Bagi Buku Kanak-kanak**

	1994	1995	1996	1997	1998
Karya	0	18	2	2	0
Falsafah/psikologi	1	0	1	0	0
Agama	126	185	206	95	183
Sosiologi, statistik	9	23	19	8	26
Sains politik, ekonomi	0	7	16	15	2
Undang-undang, pentadbiran awam,sains kebajikan	61	40	23	16	6
Ketenteraan	1	0	0	0	0
Pendidikan	45	32	51	82	79
Perdagangan, komunikasi, pengangkutan	5	3	13	4	2
Adat resam dan sastera folk	38	37	39	26	0
Bahasa	646	575	772	859	674
Matematik	116	190	257	332	244
Sains semula jadi	36	84	37	67	73
Sains perubatan, sains kesihatan awam	14	15	12	24	6
Teknologi, kejuruteraan, industri	3	4	8	8	11
Pertanian, baik-baka, perhutanan, perburuan, perikanan	27	30	27	11	36
Sains rumah tangga	3	4	3	13	4
Pengurusan pentadbiran dan organisasi	0	0	4	0	0
Perancangan fizikal, perancangan negeri dan bandar, seni bina	0	0	0	6	1
Seni plastik dan grafik, seni foto	23	41	54	45	53
Muzik, seni pertunjukan pementasan, filem panggung wayang	7	17	20	13	14
Sukan dan permainan	25	42	24	40	4
Kesusasteraan	598	1480	837	690	1637
Geografi	1	7	3	9	5
Sejarah, biografi	59	89	75	18	25
<b>JUMLAH</b>	<b>1844</b>	<b>2913</b>	<b>2503</b>	<b>2383</b>	<b>3085</b>

Daripada **Jadual 1.3** juga didapati terdapat 25 jenis subjek yang diterbitkan dalam penerbitan buku kanak-kanak di Malaysia. Subjek-subjek tersebut ialah:

1. karya;
2. falsafah atau psikologi;
3. agama;
4. sosiologi, statistik;
5. sains politik, ekonomi;
6. undang-undang, pentadbiran awam, sains kebajikan;
7. ketenteraan;
8. pendidikan;
9. perdagangan, komunikasi, pengangkutan;
10. adat resam dan sastera folk;
11. bahasa;
12. matematik;
13. sains semula jadi;
14. sains perubatan, sains kesihatan awam;
15. teknologi, kejuruteraan, industri;
16. pertanian, baik-baka, perhutanan, perburuan, perikanan;
17. sains rumah tangga;
18. pengurusan pentadbiran dan organisasi;
19. perancangan fizikal, perancangan negeri dan bandar, seni bina;
20. seni plastik dan grafik, seni foto;
21. muzik, seni pertunjukan pementasan, filem panggung wayang;
22. sukan dan permainan;
23. kesusasteraan;
24. geografi; dan
25. sejarah, biografi

Selain kesedaran penerbit semakin tinggi untuk menerbitkan buku kanak-kanak yang menjadi punca pertambahan penerbitan dalam kategori ini, jumlah penerbit yang semakin banyak di Malaysia hari ini juga mempengaruhi peningkatan jumlah ini. Mengikut maklumat Perpustakaan Negara, jumlah penerbit yang berdaftar dengan Perpustakaan Negara sejak 1992-1997 berjumlah 2,206 buah (Lee Leok Chiew, temubual Mei 1998). Pada tahun 1998, jumlah penerbit yang berdaftar bertambah sebanyak 286 (Lee Leok Chiew, temubual Januari 1999) menjadikan jumlah keseluruhan yang berdaftar dengan Perpustakaan Negara sehingga Disember 1998 adalah sebanyak 2,492 buah.

Walau bagaimanapun, jumlah penerbit yang banyak ini tidak semestinya menerbitkan buku pada setiap tahun. Ada penerbit yang langsung tidak menghantar sebarang bahan serahan penerbitan kepada Perpustakaan Negara pada satu-satu tahun. Perpustakaan Negara menganggap para penerbit ini masih menjadi penerbit kerana tidak menerima sebarang surat penarikan balik sebagai penerbit daripada mereka. Menjadi polisi Perpustakaan Negara untuk terus mengekalkan penerbit selagi Perpustakaan Negara tidak menerima surat penarikan itu.